

06 MAY 1996

REAKSI: AZMAN HASHIM SAMBUT BAIK RANCANGAN ATASI PERMINTAAN

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Pengerusi Persatuan Bank Saudagar Malaysia Tan Sri Azman Hashim hari ini menyambut baik langkah kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk melaksanakan projek-projek prasarana mengatasi permintaan.

"Lihat saja masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur," katanya sambil merujuk kepada usaha-usaha sekarang untuk mendirikan sistem pengangkutan rel ringan untuk melegakan kesesakan lalu lintas di pusat bandar.

"Pembinaan mendahului permintaan adalah langkah besar dalam perancangan," tambahnya apabila diminta mengulas mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-200) yang dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ditanya sama ada perlunya membaik pulih jentera kerajaan supaya Rancangan itu dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi, beliau berkata usaha pemimpin yang sering mengadakan dialog dengan sektor swasta di bawah konsep Persyarikatan Malaysia ternyata menunjukkan perkhidmatan awam begitu responsif terhadap perubahan.

Sambil menyatakan bahawa terdapat ruang untuk diperbaiki, beliau memuji daya usaha yang diambil untuk meningkatkan tatacara pentadbiran di bawah RMK-7

Mengenai pertumbuhan berasaskan daya pengeluaran, beliau berkata terdapat banyak bidang perlu diliputi.

Azman, yang juga pengerusi Pusat Daya Pengeluaran Negara berkata lebih banyak pelajar diperlukan mengikuti kursus-kursus dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknikal.

"Kita perlu berubah demi untuk maju ke hadapan," katanya sambil menambah bahawa penekanan kerajaan terhadap pendidikan dan latihan adalah satu arah yang betul dari segi menangani masalah kekurangan tenaga pekerja.

Di bawah keadaan guna tenaga penuh, para pelajar mungkin mahu mengambil jalan senang dan memilih kursus-kursus yang lebih mudah memandangkan peluang pekerjaan adalah luas, katanya.

Oleh yang demikian, beliau menggesa kerajaan supaya menarik para pelajar ke bidang-bidang sains, kejuruteraan dan teknikal bagi langkah penyediaan mereka untuk menyertai pasaran kerja perindustrian.

Datuk V.K.K. Teagarajan, presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan India Kuala Lumpur dan Selangor pula berkata beliau gembira kerana RMK-7 mengandungi peruntukan untuk membantu kaum minoriti dari segi ekonomi.

Bagaimanapun, beliau berharap kerajaan akan menyediakan rancangan yang serupa dengan Dasar Ekonomi Baru untuk membantu kaum India yang ketinggalan dari segi ekonomi dan yang dilanda masalah sosial.

"Kami berharap Rancangan Ke-7 itu akan membolehkan kaum India menyertai ekonomi secara besar-besaran," katanya. -- BERNAMA

HAK MA SIA